

'Sayangkan S'pura sebagai watan'

Othman Wok juga berpesan agar Melayu gigih bersaing demi pastikan penakatan negara



"Lebih syukur lagi, saya lihat kemajuan orang kita yang kini agak setaraf dengan kaum-kaum lain jika dibandingkan pada 1959 dahulu. Sebahagian kita boleh diri sama tinggi, duduk sama rendah dengan orang lain. Dulu orang kita sekadar menerima saja, kini kita turut membantu dalam pembangunan negara ini." - Haji Othman Wok. - Foto MOHD RAMAN DAUD

4 Nov 2014

Nama Othman Wok, wartawan veteran, penulis cerita seram, menteri kabinet, duta besar dan pendukung sukan, tertinta dalam lipatan sejarah Singapura. Beliau berkongsi visi dan pesanannya. Laporan MOHD RAMAN DAUD (raman@sph.com.sg).

PADA usia lebih 90 tahun, mantan menteri generasi perintis, Haji Othman Wok (lahir 8 Oktober 1924), berasa ceria dan bersyukur.

Digagahi tubuhnya yang kurus dengan bertongkat untuk menemui saya yang nyaris terhalang dek hujan lebat pada pagi 27 Oktober lalu. Ini pertemuan kali kedua, selepas dua pertemuan sebelum ini tertunda oleh keuzurannya.

Antara lain, beliau masih bekerja selaku pengarah di Overseas Investment Pte Ltd, di bangunan Concourse, Beach Road.

Media setempat melaporkan bahawa sejak 2012 beliau disahkan menghidap barah.

IMEJ DULU DAN KINI

"Lebih syukur lagi, saya lihat kemajuan orang kita yang kini agak setaraf dengan kaum-kaum lain jika dibandingkan pada 1959 dahulu. Sebahagian kita boleh diri sama tinggi, duduk sama rendah dengan orang lain," katanya.

Tegasnya lagi: "Dulu orang kita sekadar menerima saja, kini kita turut membantu dalam pembangunan negara ini."

Apabila dinyatakan bahawa cuma ada sebuah syarikat anak Melayu di bursa saham setempat dan belum ada bangunan besar milik orang Melayu, beliau tertawa besar.

"Nah, untuk jadi usahawan besar mesti ada modal besar dan ilmu untuk menjayakan syarikat yang berjaya. Tunggulah nanti.

"Yang utama kita masih ada lagi peluang pelajaran percuma (subsidi tinggi) untuk berjaya dari sekolah rendah sehingga universiti. Jadi, lama-kelamaan orang kita boleh buka syarikat perdagangan dan lancarkan usaha niaga besar."

MELAYU BARU

Apakah akan wujud kelak 'Melayu Baru' - golongan Melayu Singapura yang berjaya dari segi akhlak, ilmu dan pencapaian bermakna bak dicanangkan dari zaman 1940-an oleh penyair Masuri SN, Profesor Syed Hussein Alatas dan juga Dr Yaacob Ibrahim?

Sekali kali Haji Othman tertawa.

"Susah nak jawab. Mudah-mudahan ia terlaksana."

Namun Haji Othman berkata beliau terkilan.

"Yalah, saya dah lama tak buat sumbangan langsung kepada orang Melayu dan masyarakat Singapura," katanya yang bersara daripada siasah aktif sejak 1981.

"Semuanya terpulang pada individu Melayu. Bukan mudah jadi pemimpin. Mesti ada kebolehan dan kesanggupan untuk memimpin. Tanpa dua nilai ini, kita tidak boleh mempunyai kepimpinan Melayu yang baik," jelasnya.

HARMONI

Yang pertama dan utama, hujah Haji Othman, ialah keharmonian masyarakat terpelihara di Singapura sehingga membolehkan bakat pimpinan daripada mana-mana kaum muncul dan diyakini untuk membangun nusa.

"Bangsa, bahasa dan agama masih lagi isu peka di Singapura, atau mana-mana negara yang majmuk," katanya yang tidak pernah lupa akan peristiwa rusuhan kaum berdarah sewaktu perarakan Maulid Nabi pada 21 Julai 1964.

"Antara sebab rusuhan tadi ialah ada pihak politik dalam Umno yang mahukan Melayu Singapura menjadi tersendiri dalam menuntut hak politiknya. Padahal kita di sini minoriti.

"Selepas peristiwa itu, Tunku Abdul Rahman sedar bahawa cara tadi serupa cara penjajah British iaitu divide and rule (pecah dan perintah)," ceritanya.

Peristiwa rusuhan itu antara punca hubungan tegang dengan Kuala Lumpur ketika Singapura dalam Malaysia sehinggalah "kita dikeluarkan", katanya yang menyebut secara ringkas perpisahan dua negara yang menatijahkan kemerdekaan watan ini pada 9 Ogos 1965.

Memang ada juga sebab-sebab lain seperti hubungan antara menteri Singapura, Dr Goh Keng Swee, dengan Encik Tan Siew Sen, menteri kewangan Malaysia.

Walaupun kededuanya asal Melaka dan dikatakan ada hubungan keluarga, tetapi tidak mesra.

DETIK CEMAS

Haji Othman teringat antara detik cemas dalam hidupnya.

Ketika menjadi ketua pemberita akhbar Utusan Melayu, beliau pernah ikut pasukan keselamatan pimpinan askar British masuk ke rimba Malaya.

"Jauh dalam belantara Pahang, ditemui kem komunis yang besar. British hendak bom, tapi tiada pesawat cukup besar. Maka pesawat Sunderland dari Singapura bawa bom 500 paun dan tiba di KL.

"Para pemberita ikut kapal terbang DC3. Bom digugurkan. Letupannya kuat sekali sehingga pesawat kami terpelanting di udara. Nasib baik juruterbang Mat Saleh tangkas pecut pesawat," ceritanya.

Letupan tadi, antara lain, mengalahkan komunis di Malaya.

Perintah Darurat yang bermula pada 1948 telah dapat ditamatkan pada 1960.

Utusan Melayu yang diasaskan di Singapura telah dipindahkan operasinya ke Sungai Besi, dekat Kuala Lumpur, setelah Malaya merdeka pada 1957. Ia merupakan keputusan Haji Yusof Ishak, pengurus besarnya.

Selain turut membangun kepimpinan Singapura sepanjang menjadi menteri antara 1963 dengan 1977, Haji Othman telah diberi tugas sukar sebagai duta besar Singapura ke Indonesia antara 1977 dengan 1981.

"Hubungan kita dengan Indonesia masih belum selesa selepas Konfrontasi. Sebabnya, mereka masih geram. Dua marin mereka dihukum gantung kerana meletupkan bom termasuk di MacDonald House.

"Jadi, tugas saya ialah senantiasa cuba menjelaskan betapa pengeboman tadi telah menimpakan korban dan kecederaan ke atas orang awam. Rakyat Singapura inginkan keadilan," kata beliau.

MASA DEPAN

Haji Othman yakin masa depan orang Melayu di Singapura akan cerah dan akan terus membuat sumbangan bermakna kepada watan ini.

Namun, beliau harap tidak perlu ditubuhkan lagi banyak institusi.

"Cukuplah (Yayasan) Mendaki dan AMP (Angkatan Karyawan Islam). Jika ada banyak nanti, kita bertembung. Biar sedikit tapi berkesan asalkan masyarakat kita sepadu," hujahnya.

Jika ada pun, boleh dibentuk semacam Akademi Kepimpinan Melayu.

"Dengan ini kita boleh kenal pasti bakat, pupuk dan bangunkan potensi sehingga senantiasa ada pemimpin baru untuk majukan bangsa dan negara," katanya.

Beliau juga bimbang dengan ancaman Islam militan atau radikal lewat diayah di Internet atau ajaran songsang.

"Pemerintah dan masyarakat kita perlu ganding bahu mencegah ancaman seperti ISIS. Kita kena rajin didik anak kita supaya dapat bezakan yang baik dan buruk.

"Sebabnya selagi ada Internet, susah nak nyahkan pengaruh begini. Tapisannya pada disiplin diri sendiri," tambah beliau.

Haji Othman berpesan bahawa orang Melayu perlu sayangkan Singapura sebagai watannya.

Perasaan ini bersama kegigihan untuk bersaing akan memastikan Singapura kekal bagi 50 tahun lagi dan selanjutnya.

"Teringat zaman saya tinggal di Batu 8 suku Pasir Panjang, akhbar The Singapore Free Press laporkan Singapura tenggelam satu pertiga inci setiap tahun.

"Tapi kenapa Singapura masih ada sampai sekarang. Sebab ada projek tambak pantai. Ini namanya perancangan teliti masa depan," katanya.